

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN AKMAL NASRULLAH BIN
MOHD. NASIR [JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 07 OKTOBER 2019 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan:-

- (a) angka terkini jumlah pekerja asing di Malaysia ; dan
- (b) sasaran Kementerian mengenai jumlah pekerja asing yang diperlukan dalam industri buruh di Malaysia .

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Berdasarkan statistik Jabatan Imigresen Malaysia sehingga 31 Ogos 2019, jumlah pekerja asing yang berdaftar dan dikeluarkan Pas Lawatan Kerja Sementara (PL(KS)) adalah 1,994,120 orang. Sektor perkilangan adalah sektor tertinggi yang menggajikan pekerja asing iaitu seramai 706,502, diikuti sektor pembinaan 429,552, sektor perladangan 268,203, sektor pertanian 150,003 dan pembantu rumah 130,450.

2. Berhubung dengan sasaran Kementerian berhubung jumlah pekerja asing yang diperlukan, Kerajaan masih berpegang kepada penetapan di bawah Rancangan Malaysia ke-11 iaitu menetapkan had penggajian pekerja asing di Malaysia tidak melebihi 15% daripada jumlah guna tenaga negara pada tahun 2020. Pelbagai langkah telah diambil dalam mencapai ketetapan ini khususnya menggalakkan industri beralih ke arah automasi melalui pelaksanaan Industri 4.0, *exit strategy* mengurangkan kebergantungan pekerja asing, latihan kepada pekerja tempatan, cadangan pelaksanaan *multi tier levy* dan sebagainya.